

A. SAMAD ISMAIL  
UTUSAN MELAYU, WARTAWAN DAN POLITIK 1945-48

Oleh

ABDUL LATIF BIN KAJI DAUD  
SIDANG 1988 / 1989

PUSAT PENGETAHUAN ILMU KEMANUSIAAN  
**ARKIB** UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG.

rb  
FAC895  
M22L856

A. SAMAD ISMAIL

UTUSAN MELAYU, WARTAWAN DAN POLITIK 1945-48

Oleh

ABDUL LATIF BIN HAJI DAUD

SIDANG 1988/1989

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG.

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH HSM  
411/412 : DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA BAGI SYARAT  
PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN, PUSAT PEN-  
GAJIAN ILMU KEMANUSIAAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

KANDUNGAN

	Halaman
<u>Penghargaan</u>	3
<u>Biodata Tokoh:A.Samad Ismail</u>	4-6
<u>Pendahuluan</u>	7-12
<u>Bab I</u> Corak Akhbar-Akhbar di Tanah Melayu Tahun 1930-an Hingga 1940-an	13-20
<u>Bab II</u> Utusan Melayu 1945-1948	21-30
<u>Bab III</u> Utusan Melayu Dam Saya	31-52
<u>Penutup</u>	53-55
<u>Catatan-Catatan</u>	56-59
<u>Bibliografi</u>	59-60

PENGHARGAAN.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Cheah Beon Kheng kerana telah memberi nasihat, tunjuk ajar dan penyeliaan berpanjangan di dalam kursus ini khususnya bagi menyiapkan kajian ini.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Dr. A.Samad Ismail yang telah memberi tunjuk ajar dan kerjasama sehingga penulis dapat menyiapkan kajian ini.

ABDUL LATIF BIN HAJI DAUD  
16 A, PEKAN APAL, JERTEH,  
TRENGGANU.

5.3.1989



20 November — WARTAWAN veteran A. Samad Ismail dipilih sebagai tokoh wartawan negara. Anugerah tersebut mulai diperkenalkan tahun ini oleh Institut Akbar Malaysia (MPI).

#### A .SAMAD ISMAIL

A .Samad Ismail seorang tokoh wartawan yang disegani di Malaysia dan terkenal juga di luar Malaysia, khususnya di Asia Tenggara. Jika Abdul Rahim Kajai dianggap sebagai 'Pelopor' kewartawanan di Malaysia,A .Samad Ismail pula dianggap 'Penggerak Utama' bidang tersebut pada masa dahulu dan zaman moden.<sup>1</sup>

Dilahirkan pada 18 April 1924 di Singapura. Anak kepada bekas

Guru Besar Sekolah Melayu, berdarah Jawa.. Ayahnya seorang penulis dan pernah mengeluarkan majallah sendiri diSingapura.

Sejak dibangku sekolah lagi A .Samad Ismail telah mengenali penulis-penulis Melayu dengan mengikuti tulisan mereka di surat khabar atau menjadi kenalan ayahnya dan penulis-penulis tersebut sering datang kerumahnya. Dapat menulis dan berbicara dengan menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu dengan sebaiknya, khusus di dalam bidang penulisan, kewartawanan dan politik.

Menerima Anugerah Pejuang Sastera Negara pada tahun 1976. Tahun 1987 pula dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia kerana jasa dan ketokohan di dalam bidang kewartawanan dan penulisan di Malaysia. Pada tahun 1988 dipilih sebagai tokoh

Wartawan Negara, iaitu satu anugerah tertinggi yang baru diperkenalkan oleh Institiut Akhbar Malaysia(MPI).

Setelah lulus Senior Cambdrige tahun 1940 di Singapura, A. Samad Ismail terus menjadi pemberita dan penterjemah di Utusan Melayu di Singapura hingga pecah Perang Dunia Kedua. Semasa pendudukan Jepun, A.Samad Ismail bertugas di Berita Malai bersama A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Setelah Kajai meninggal dunia pada tahun 1944, A.Samad Ismail telah menganti tempat Kajai di Berita Malai di dalam lingkungan umur 20-an. Hasil tulisan beliau di Berita Malai (zaman Jepun) bertemakan penghormatan kepada petani, buruh dan nelayan.

Selepas perang pernah ditahan oleh Kerajaan British, sekitar tahun 1950-an kerana dituduh menjalankan kegiatan anti British dan dianggap merbahaya . Hampir tiga tahun A.Samad Ismail bersama dengan J.Putucheary, P.V.Sharma dan J.Eber ditahan di Singapura. Menjadi ahli UMNO pada tahun 1958 dan pernah menjadi Pengurus Tetap parti tersebut.

A, Samad Ismail telah berhenti berkerja dengan Utusan Melayu pada tahun 1958 dan terus bertugas di Berita Harian dan Straits Times. Pada tahun 1974 dilantik sebagai Pengurus Urusan Kumpulan The News Straits Times Bhd., hinggalah pada tahun 1984 dilantik sebagai pensihat Jabatan Pengarang kumpulan akhbar tersebut.

Kegiatan A.Samad Ismail di dalam UMNO adalah secara mendatar sahaja, dengan hanya memberi ceramah dan pandangan beliau apabila dijemput untuk berbuat demikian, tetapi beliau lebih giat di dalam bidang atau forum berhubung dengan kewartawanan. Pada tahun 1976 A.Samad Ismail ditahan oleh Kerajaan Malaysia melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atas alasan bergiat di dalam kegiatan subversif.<sup>2</sup>

Setakat yang diketahui, kegiatan politik A.Samad Ismail telah bermula sejak berada di Singapura lagi serta bertanggung jawab ke atas penubuhan Parti Tndakan Rakyat(PAP) bersama-sama Lee Kuan Yew pada tahun 1954.A.Samad Ismail juga pengasas penubuhan Gerakan Angkatan Muda (GERAM). A.Samad Ismail juga berkawan baik dengan Devan Nair dan bnyak memberi sokongan kepada tokoh tersebut di dalam kegiatan politiknya. Kegiatan awal beliau di dalam PAP juga diragui oleh tokoh-tokoh bukan Melayu kerana sikapnya sentiasa menyedari komuniti Melayu.

Di dalam bidang penulisan Cerpen, A.Samad Ismail telah menghasilkan cerpen-cerpen yang dikumpulkan melalui antologi Mekar dan Segar,(Kuala Lumpur,1960), Bunga dari Selatan(Kuala Lumpur,1963), Mastura (Kuala Lumpur,1967), Tamasha Tinta(Kuala Lumpur, 1967) dan Dongeng Merdeka(Petaling Jaya,1985). Diantara novel-novel yang dihasilkan,Patah Sayap Terbang Jua(Kuala Lumpur,1966),Hud, (Kuala Lumpur 1967), Kail Panjang Sejengkal,(Kuala Lumpur,1967), Orang Jauh,(Kuala Lumpur,1967), TembokTidak Tinggi(Kuala Lumpur, 1967), Detik-Detik Cemas (Singapura,1969), Orang Lama (Keluang,1970), Sutinah(Kuala Lumpur, 1975) dan lain-lain.

Terdapat juga hasil tulisan yang dihasilkan khusus di dalam bidang kewartawanan dan penulisan; Kursus Wartawan (Melaka,1966) Bimbingan Penulis(Kuala Lumpur 1967), Mengasah Bakat(Kuala Lumpur 1966) dan lain-lain.

Sehingga kini A.Samad Ismail menjadi penulis bebas di Berita Harian setelah bersara dengan Kumpulan News Straits Times pada tahun 1988.

@@@@@@@